

## Jangan risau aset TUDM terbang rendah

BERNAMA



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

Kuantan: Tentera Udara Diaraja Malaysia (TUDM) memaklumkan aset udara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan melaksanakan latihan penerbangan rendah dan penerbangantaktikal bermula Rabu (21 Sept) hingga 26 September, membabitkan sekitar Pangkalan Udara Kuantan dan ruang udara Pahang.

TUDM menerusi kenyataan di sini, hari ini memaklumkan ia adalah latihan dan penerbangan sempena sambutan Hari Angkatan Tentera Malaysia Ke-89 yang akan disambut pada 26 September ini di Pangkalan Udara Kuantan, dengan TUDM dipertanggungjawabkan sebagai pengajur acara perbarisan.

"Sempena sambutan ini ATM akan melaksanakan latihan demonstrasi keupayaan yang akan melibatkan aset udara dari perkhidmatan Tentera Darat Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan TUDM.

"Orang ramai dinasihatkan agar tidak cemas dan risau sekiranya melihat pesawat TUDM dan ATM terbang rendah atau mendengar bunyi letupan semasa latihan dan hari sebenar demonstrasi keupayaan ini dilaksanakan," menurut kenyataan itu.

**Disiarkan pada: September 19, 2022 @ 4:39pm**